

04/09/2000

Puteri Umno tidak diwujudkan secara rasmi

GELANG PATAH, Ahad - Pergerakan Wanita Umno bersetuju tidak akan menubuhkan Puteri Umno secara rasmi dengan hirarki dan komponen tersendiri, sebaliknya menjadikannya sama seperti kelab Umno.

Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata semua ketua Wanita negeri tidak bersetuju Puteri Umno ditubuhkan secara rasmi kerana ia boleh menjejaskan perpaduan ahli pergerakan itu.

Beliau berkata, keputusan itu akan diserahkan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, minggu depan.

"Hasil pertemuan dan perbincangan dengan ketua Wanita di seluruh negeri, mereka bersetuju supaya konsep penubuhan Puteri Umno berorientasikan kerja dan program, bukannya struktur rasmi yang berasingan daripada Wanita Umno.

"Saya rasa kelab Puteri Umno lebih bermakna kerana tidak perlu babitkan diri dalam pencalonan dan pertandingan jawatan Ketua, Naib Ketua dan Exco termasuk pada peringkat bahagian dan cawangan.

"Kita juga menerima cadangan supaya semua Wanita Umno negeri, bahagian dan cawangan mempunyai wakil ahli kelab Puteri Umno dan menjalankan program serta aktiviti berkaitan citarasa golongan muda.

"Oleh itu, kelab berkenaan akan bernaung di bawah Wanita Umno dengan keahlian berumur 35 tahun ke bawah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Pergerakan Wanita Umno Bahagian Gelang Patah 2000, di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Wanita Umno Johor, Halimah Mohd Sadique; Ketua Umno Bahagian Gelang Patah, Baharom Abdul Ghani dan Ketua Wanitanya, Zainab Othman.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, ahli Wanita Umno dari golongan muda juga tidak mahu mereka diasingkan sebagai satu struktur rasmi tetapi memadai dengan penubuhan berkonsepkan kelab.

Beliau berkata, sumber kewangan kelab Puteri Umno bagi menjalankan program berkaitan golongan remaja dan muda akan mendapat bantuan daripada pergerakan itu.

Mesyuarat Ahli Majlis Tertinggi yang dipengerusikan Dr Mahathir pada Julai lalu, bersetuju menubuhkan pasukan Puteri Umno bagi menarik minat lebih ramai golongan muda wanita menyertai parti itu.

(END)